

30 SEP 1996

Hamid - Ulama

KURSUS UNTUK ULAMA MENGENAI HIV/AIDS

KUALA LUMPUR, 30 Sept (Bernama) -- Para ulama akan diberi kursus mengenai HIV/AIDS bagi memperlengkapkan mereka dengan maklumat mengenai penyakit itu untuk mendidik masyarakat, kata Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman.

Beliau berkata para ulama perlu didedahkan dengan masalah penyakit itu kerana percakapan mereka lebih didengar oleh masyarakat.

Sebenarnya, ulama sebelum ini lebih memberi tumpuan mendidik kerohanian orang ramai kerana penyakit jasmani seperti AIDS berpunca daripada rohani yang tidak bersih.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan Piagam Pelanggan Masjid-Masjid di Wilayah Persekutuan, di Institut Kefahaman Islam Malaysia di sini hari ini.

Beliau diminta mengulas kenyataan Pengerusi Yayasan AIDS Malaysia Marina Mahathir yang kesal dengan kenyataan beberapa ulama dalam seminar baru-baru ini yang perjudis terhadap mereka yang menghidapi AIDS dan menyifatkan perkara itu sebagai balasan.

Mengenai masalah pekerja asing berkahwin dengan wanita tempatan, Abdul Hamid meminta gadis yang ingin berbuat demikian berhati-hati kerana kemungkinan pekerja asing terbabit telah berkahwin di negara asal.

Katanya, tindakan berkahwin dengan pekerja asing itu juga boleh membawa masalah sosial kerana terdapat kes mereka yang telah kembali ke negara asal tidak dapat dikesan lagi dan menyebabkan isteri mereka digantung tak bertali.

Beliau berkata, mereka yang berkahwin tanpa berdaftar boleh dikenakan tindakan.

Mengenai mengkomersilkan tanah yang diwakafkan untuk masjid, beliau menjelaskan mengikut Islam tanah sedemikian tidak boleh diubah untuk maksud lain tetapi boleh disesuaikan dengan pembangunan.

Terdahulu, ketika berucap, beliau berkata Piagam Pelanggan masjid diwujudkan sebagai garis panduan kepada jawatankuasa untuk menjalankan pelbagai aktiviti keagamaan dan pentadbiran di masjid.

Katanya, bagi menarik minat orang ramai terutama golongan muda ke masjid, anggota jawatankuasa masjid kini dilantik daripada golongan professional dan intelektual.

Pada majlis itu, Abdul Hamid turut menyampaikan surat tauliah pelantikan kepada 305 anggota jawatankuasa kariah bagi 29 masjid di Wilayah Persekutuan. -- BERNAMA

RHM HAB FAZ